

17 NOV 1997

DEWAN (SABAH): SOKONGAN SEBULAT SUARA UNTUK MAHATHIR

KOTA KINABALU, 17 Nov (Bernama) -- Semua 53 anggota Dewan Undangan Negeri, termasuk lapan daripada Parti Bersatu Sabah (PBS), hari ini menandatangani satu kenyataan bersama untuk memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meneruskan khidmatnya sebagai Perdana Menteri.

Mendahului senarai anggota Dewan Undangan Negeri yang menandatangani kenyataan itu ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, timbalan-timbalan ketua menteri, menteri kabinet serta pembantu-pembantu menteri.

Salinan kenyataan berkenaan yang diedarkan kepada pemberita selepas penangguhan persidangan, turut mengutuk draf resolusi sekumpulan anggota Kongres Amerika Syarikat yang mahukan Perdana Menteri meminta maaf atau meletakkan jawatan kerana dilaporkan menyatakan terdapat konspirasi Yahudi di sebalik kejatuhan nilai matawang di Asia Tenggara.

Yang turut menandatangani kenyataan yang diedarkan ketika persidangan Dewan Undangan Negeri sedang berlangsung ialah Speaker Datuk Hassan Alban Sandukong, timbalan-timbalan speaker Datuk Francis Yap dan Datuk James Vitales.

Berikut adalah teks kenyataan berkenaan: "Kami, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah menyatakan sokongan penuh kepada YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meneruskan khidmatnya sebagai Perdana Menteri Malaysia. Malaysia adalah satu negara yang merdeka, beradulat, bebas dan penganjur keamanan ke seluruh dunia.

"Maka dengan itu, kami dengan sekeras-kerasnya mendesak supaya beberapa orang ahli Kongres Amerika Syarikat untuk membatalkan sahaja niat jahat mereka untuk campur tangan dalam urusan negara merdeka kami, Malaysia yang tercinta." -- BERNAMA

JS WAT